

November 2015 subject reports

Malay B

Overall grade boundaries

Standard level

Grade:	1	2	3	4	5	6	7
Mark range:	0 – 13	14 – 27	28 – 43	44 – 58	59 – 71	72 – 86	87 - 100

Standard level internal assessment

Component grade boundaries

Grade:	1	2	3	4	5	6	7
Mark range:	0 - 3	4 - 6	7 - 12	13 - 17	18 - 21	22 - 26	27 - 30

Jangkauan dan kesesuaian tugas yang dihantar

Tugas yang dihantarkan bagi memenuhi tuntutan untuk menguji kemahiran lisan tahun peperiksaan 2015 sesuai. Penilaian ini membolehkan calon menunjukkan keupayaan mereka menggunakan bahasa dan mengaplikasikannya dalam kemahiran interaksi.

Topik yang dipilih dan digunakan untuk perbincangan sesuai dengan peringkat dan umur calon dan mencakupi isu yang amat luas dan pelbagai termasuklah isu peribadi seperti hobi, kegemaran, dan pengembaraan, isu sosial seperti kemiskinan, pencemaran, penyalahgunaan dadah dan persekitaran, dan isu yang berkaitan dengan teknologi dan pembangunan negara seperti pengaruh teknologi dalam kehidupan dan kepelbagaian budaya dalam konteks masyarakat berbilang bangsa.

Gambar dan ilustrasi yang dipilih dan dijadikan sebagai rangsangan dalam perbincangan juga sesuai dan dilengkapi dengan subtajuk yang berkaitan dengan gambar. Tajuk pilihan kebanyakannya benar-benar menggambarkan apa yang tersurat. Begitu juga dengan pernyataan tentang gambar dan ilustrasi tersebut. Amat berkurangan sekali calon yang menggunakan tajuk berupa simpulan bahasa, kata berirama dan ungkapan yang abstrak yang menunjukkan kematangan dan dapat dikupas dengan mendalam. Namun, ini tidak bererti tajuk yang lebih langsung dan terus tidak dapat menunjukkan kedalaman fikiran.

Soalan-soalan yang diajukan kepada calon amat luas dan pelbagai kepayahan. Ada yang terlalu banyak soalan-soalan tertutup yang perlu dicerakin agar dapat membantu calon menyampaikan idea mereka secara berkesan. Namun ada juga soalan yang terbuka yang memerlukan calon berfikir secara mendalam dan menggunakan bahasa secara lisan dengan berkesan untuk mengupas sesuatu isu yang dibincangkan. Secara keseluruhan, calon diberikan peluang untuk mendemonstrasikan keupayaan mereka bertutur mengenai topik pilihan. Soalan-soalan yang diajukan juga menggalakkan interaksi antara calon dengan pemeriksa. Perhubungan yang terjalin menjadikan perbualan amat santai dan ini memberikan persekitaran yang kondusif untuk calon berinteraksi dengan pemeriksa.

Dari segi perbendaharaan kata, ada sebahagian besar calon menunjukkan keupayaan mereka menggunakan perbendaharaan kata yang pelbagai dan persis. Laras bahasa yang digunakan untuk menyampaikan idea; tepat dan bersesuaian dengan konteks yang dibincangkan. Hal ini memudahkan pendengar memahami dan mengikuti penerangan dan penjelasan calon. Bahasa yang digunakan juga baik dan dapat menyampaikan idea dengan berkesan. Walaupun adakalanya kurang gramatis, hal ini tidaklah mengelirukan dan menjejaskan penyampaian.

Selain itu semua informasi yang berkaitan dengan profil calon dan kelakonannya dalam peperiksaan lisan yang lain adalah mencukupi. Terdapat juga penerangan yang ringkas tetapi jelas mengenai kelakonan calon untuk membantu moderator menjalankan tugas menyelaraskan markah yang diperoleh calon. Hal ini haruslah diteruskan agar moderator dapat menjalankan tugas dengan saksama.

Masa yang digunakan untuk menunjukkan keupayaan mereka dalam bertutur dan berinteraksi memadai dan dapat memberikan gambaran keupayaan mereka bertutur dan berinteraksi dengan menggunakan bahasa dengan baik. Ada situasi-situasi tertentu menunjukkan keupayaan pemeriksa dan calon menggunakan bahasa baku yang jelas dan betul. Penggunaan sebutan baku ini menunjukkan bahawa calon memahami bahawa bahasa baku (standard) yang betul mengambil kira semua aspek pembakuan bahasa termasuklah pembakuan dari segi ejaan, peristilahan, tatabahasa dan sebutan.

Dari segi teknikal, semua bahan yang dinaik muat mempunyai kualiti yang baik, kecuali sebuah sekolah yang tidak dapat menyediakan bahan yang menepati kehendak peperiksaan. Perkara ini seharusnya tidak berulang.

Prestasi calon terhadap setiap kriteria

Pada keseluruhan, calon memenuhi setiap kriteria yang dikehendaki oleh peperiksaan. Penguasaan bahasa lisan dan kelancaran dapat dikesan dan terdapat beberapa kesilapan sebutan yang tidak menjejaskan makna. Ada calon yang berbicara dengan fasih dan lancar dengan menggunakan sebutan baku yang tekak. Kosa kata yang digunakan menunjukkan terdapatnya penguasaan perbendaharaan kata yang luas dan baik. Intonasi dan gaya persembahan dapat menjadikan pertuturan lebih berkesan. Walaupun terdapat kesilapan/kegelinciran pertuturan yang kecil di sana sini, kesilapan tersebut tidaklah ketara dan dapat menjejaskan idea/isi yang ingin disampaikan.

Isi penyampaian juga mencukupi, luas cakupan dan relevan. Terdapat keseimbangan dari segi idea mudah dengan idea yang kompleks. Idea-idea disampaikan secara tersusun dan bertaut. Terdapat usaha yang ketara ditunjukkan dalam menjelaskan idea yang dikembangkan. Kosakata yang digunakan bersesuaian dengan konteks perbualan. Interaksi dua hala dengan pemeriksa baik dan berurutan dan jarang sekali terhenti-henti. Dalam respons mereka terdapat kepelbagaian kepayahan dari segi idea yang diutarakan. Apa yang penting alasan dan idea sokongan diberikan semasa menyampaikan idea-idea tersebut.

Saranan dan panduan pengajaran bagi calon masa hadapan

Kelancaran dan kefasihan interaksi lisan dan kemahiran bertutur bergantung kepada bukan hanya intonasi dan sebutan tetapi juga kematangan isi. Pembacaan, perbincangan, main peranan, berdebat dan berpidato dapat menjadikan pengajaran lisan menarik dan relevan. Di samping itu, kegunaan lagu dan lirik lagu dapat memberikan suntikan keseronokan di samping belajar mengenali perkataan baharu berserta maknanya. Pelajar yang terdedah dengan isu terkini dapat bertutur dengan baik kerana kegiatan ini membantu membentuk idea yang dapat diselitkan dalam aktiviti pertuturan yang berkaitan dengan topik. Selain itu pelajar harus dikayakan dengan kosakata yang boleh menjadikan pertuturan mereka lancar dan berkesan.

Satu lagi aspek penting dalam tugas ini ialah kebolehan pelajar berinteraksi dan memastikan bahawa terdapat kelancaran pertuturan dan idea yang bergerak dari satu penutur kepada penutur yang lain. Hal ini penting dan boleh dipupuk melalui latihan berkomunikasi dua hala. Keserasian dalam pertuturan perlu dipupuk agar penutur lebih fleksibel dan dapat memberikan respons dengan spontan dan beradab. Pengajaran harus berpusatkan pelajar dengan memberikan segenap peluang kepada mereka untuk menggunakan bahasa lisan agar mereka tidak kekok apabila berbual. Mereka juga boleh didedahkan dengan konteks perbualan melalui drama dan

Standard level written assignment

Component grade boundaries

Grade:	1	2	3	4	5	6	7
Mark range:	0 – 3	4 – 7	8 – 11	12 – 14	15 – 17	18 – 20	21 - 24

Jangkauan dan kesesuaian tugas yang dihantar

Secara keseluruhan, tugas yang dihantar bagi memenuhi tuntutan Tugas Penulisan amat memuaskan dan menepati kehendak ujian.

Kepanjangan bagi rasional pemilihan tajuk dan skop penulisan bertepatan yakni lebih kurang 200 perkataan dan kepanjangan bagi esei pula 400 patah perkataan. Disertakan juga tiga sumber bahan sebagai rujukan dan kegunaan dalam menyiapkan tugas yang diberikan. Namun, salinan teks-teks ini tidak disertakan dengan tautan yang boleh memudahkan pemeriksa membacanya. Tugas ini juga disertakan dengan jumlah perkataan yang digunakan dan hal ini amat baik kerana calon dapat menyampaikan sebanyak mungkin idea utama dan idea sokongan dengan menggunakan had jumlah perkataan yang ditetapkan. Setiap tugas diiringi dengan rasional pemilihan tajuk, tujuan/matlamat penulisan dan bagaimana penulisan ini dihasilkan untuk menepati matlamat/tujuan penulisan. Ramai calon yang berupaya memberikan rasional bagi pemilihan tajuk dan bagaimana teks yang ditulis dapat menjangkau kumpulan sasarannya, namun ada juga yang tidak dapat menepati kehendak ini. Contohnya, calon menyatakan dengan jelas pilihan tajuk dan memilih genre tertentu agar sasarannya, yakni teman-temannya dapat membaca hasil tulisannya.

Penulisan-penulisan calon banyak yang ditujukan kepada kumpulan belia dan masyarakat umum. Lebih banyak menitikberatkan penggunaan media sosial kerana media ini lebih rapat dengan mereka. Oleh itu tulisan blog dan e-mel dipilih untuk tujuan demikian. Begitu juga jenis penulisan yang lain seperti karangan deskriptif, naratif dan surat digunakan untuk tujuan masing-masing. Hal ini menunjukkan kepelbagaian ragam bahasa yang sesuai digunakan secara berkesan.

Tajuk yang dipilih bersesuaian dengan peringkat dan kematangan calon. Tajuk yang merangkumi isu-isu semasa dan relevan dengan usia calon menjadi pilihan utama. Ini termasuklah isu penyalahgunaan dadah, kesan negatif media sosial dan kemiskinan dipilih untuk dikupas. Tajuk bersangkutan dengan nilai budaya dan pengguna bahasa tersebut juga ada dibincangkan. Begitu juga dengan tajuk yang berkaitan dengan perjalanan/pengembaraan ke negara atau tempat-tempat tertentu di dunia. Tajuk-tajuk sebegini dapat meneroka pemikiran mereka tentang keindahan alam semula jadi dan impaknya terhadap kualiti kehidupan manusia. Begitu juga isu yang menyelongkar alam teknologi yang begitu pesat dan telah merubah sebahagian besar kehidupan manusia hari ini. Tajuk-tajuk ini sebenarnya terjangkau oleh calon dan boleh disokong dengan banyak bahan bacaan yang terdapat dipelbagai sumber.

Walau bagaimanapun, tajuk-tajuk pilihan calon menarik dan dalam penulisan tertentu telah dapat menunjukkan keupayaan mereka menggunakan sumber pilihan di samping pengetahuan sedia ada yang digunakan untuk mengukuhkan idea tersebut. Sumber-sumber pilihan amat sesuai dan relevan dengan tajuk pilihan. Sumber-sumber ini didapati daripada pelbagai media; majalah, akhbar, buku dan juga dari Internet. Hal ini menunjukkan bahawa calon terdedah dengan kepelbagaian bahan bacaan dan ini amat baik untuk membolehkan mereka menyampaikan idea dengan menggunakan data yang diperoleh daripada bahan bacaan. Namun, kesahihan bahan perlu dipertimbangkan agar dapat dipercayai.

Secara keseluruhan, calon-calon dapat menunjukkan kebolehan mereka menulis dan memilih isi-isi penting daripada bahan rujukan mereka agar penulisan mereka lebih berkesan dalam menyampaikan idea yang tepat dan berdasarkan kajian yang dijalankan.

Prestasi calon terhadap setiap kriteria

Kriteria yang menetapkan rasional penulisan dapat dikesan dalam kebanyakan tugas yang dihantar. Calon menetapkan tujuan atau matlamat karangan dengan baik. Mereka juga menjelaskan bagaimana tujuan ini dapat dicapai dengan menjelaskan jenis teks dan cara esei ini sampai pada pembaca. Mereka juga berupaya menunjukkan bagaimana sumber yang dipilih dapat digunakan secara maksimum untuk membantu penulisan. Ada usaha yang ketara untuk menerangkan pendapat mereka sama ada mereka bersetuju atau menyokong dengan mengaitkan isi karangan sumber dengan karangan mereka.

Kelakonan calon terhadap kriteria bahasa bergantung kepada bagaimana jelasnya hasil penulisan mereka dalam menyampaikan idea utama dan sampingan. Ketepatan bahasa seratus peratus bukanlah diutamakan kerana kesilapan-kesilapan yang kecil masih boleh diterima asal sahaja maknanya jelas dan tidak mengelirukan. Pengetahuan bahasa seperti kepersisan penggunaan kosa kata dan penggunaan ayat yang betul boleh banyak membantu calon menjelaskan idea yang disampaikan. Ada calon yang baik dapat menggunakan kosa kata yang tepat dengan konteks tajuk. Mereka juga berupayakan menggunakan peribahasa dan ungkapan yang sesuai bagi menjelaskan dan mengukuhkan sesuatu situasi. Hal yang demikian sudah tentu dapat menjadikan penulisan mereka tepat dan bernas.

Dari segi ejaan, kebanyakan calon dapat memberikan bentuk ejaan baku. Begitu juga penggunaan tanda baca dalam wacana. Ada juga yang nampaknya keliru dengan ejaan kata majmuk; ada yang terpisah dan ada yang rapat. Namun terdapat beberapa kesilapan yang ketara dari segi penggunaan imbuhan awalan dan akhiran yang tepat. Banyak kesilapan penggunaan awalan 'meN-', akhiran '-kan' dan '-an' yang menjejaskan ejaan perkataan. Contohnya perkataan 'guna' yang diimbuh dengan awalan 'meng' akhiran '-kan' dan menjadikan ejaannya 'menggunakan' dan tidak 'menggunakan'.

Bagi kriteria isi kandungan, ramai calon yang dapat memberikan idea mereka mencukupi. Isi yang disampaikan baik dan ada yang diperoleh bukan daripada sumber yang dipilih. Ini bererti calon dapat melakukan interteks dengan menggunakan isi yang didapati daripada pelbagai teks. Isi yang disampaikan juga disokong dengan contoh yang sesuai dan relevan. Hal ini dapat menjelaskan pemikiran yang ingin disampaikan dengan menggunakan fakta yang diperoleh dari pelbagai sumber. Isi-isi ini disusun dan ditautkan dengan baik. Perkara ini penting untuk menjadikan karangan mereka lebih bertaut dan beruntun. Penggunaan penanda wacana yang sesuai juga telah menjadikan karangan tersebut kelihatan tersusun dengan rapi dan ini memudahkan pembacaan dan membantu pembaca mengikuti aliran pemikiran dan idea. Ada juga digunakan peribahasa atau kata berirama untuk menjadikan penulisan lebih estetik.

Bagi kriteria format, calon juga menunjukkan kebolehan mereka menguasai format penulisan yang berpandukan laras bahasa yang sesuai. Mereka juga menunjukkan kebolehan menulis perkara yang bersesuaian dengan kumpulan sasaran. Selain gaya penulisan, calon juga amat sensitif dengan penggunaan pendahuluan dan kesimpulan di awal dan akhir penulisan. Bahagian isi juga dibahagikan kepada perenggan yang bersesuaian.

Kriteria yang menetapkan rasional penulisan juga dapat dikesan dalam kebanyakan tugas yang dihantar. Calon menetapkan tujuan atau matlamat karangan dengan baik. Mereka juga

menjelaskan bagaimana tujuan ini dapat dicapai dengan menjelaskan jenis teks dan cara esei ini sampai pada pembaca. Mereka juga berupaya menunjukkan bagaimana sumber yang dipilih dapat digunakan secara maksimum untuk membantu penulisan. Mereka dapat memilih mana-mana isi yang relevan untuk digunakan sebagai idea sokongan bagi penulisan mereka.

Saranan dan panduan pengajaran bagi calon masa hadapan

Kemahiran menulis memerlukan keupayaan untuk menyampaikan idea secara berkesan melalui alat bahasa yang dikuasai. Idea boleh didapati daripada pembacaan yang luas dan pelbagai. Di samping membaca, kematangan idea juga dapat diperoleh melalui sesi perkongsian dan perbincangan dengan rakan sebaya dan guru. Perdebatan, pidato dan penyampaian hasil perbincangan dapat membantu mereka memilih idea yang relevan, menyusun idea tersebut melalui kajian dan penelitian bahan. Pelajar berupaya melakukan demikian dengan panduan dan dorongan guru dan fasilitator yang baik.

Dalam memilih sumber bacaan, amat penting menerangkan kepentingan memilih bahan yang berkualiti. Blog boleh digunakan, namun penulisan blog yang baik dapat membantu pelajar memperoleh teknik penulisan yang baik, bahasa yang tepat dan berkesan serta gaya penulisan yang menarik. Oleh itu, amat penting mengajar pelajar memilih penulisan yang baik dari segala sudut termasuklah kedalaman isi, susunan/organisasi idea dan ketepatan isi. Tatabahasa yang betul juga harus menjadi kriteria pemilihan bahan atau sumber pilihan. Ini kerana pelajar kadang kala terikut-ikut menggunakan bahasa yang salah di dalam bahan-bahan tersebut. Dengan erti kata yang lain, pelajar akan meniru gaya dan bahasa yang digunakan oleh penulis yang lemah penguasaan bahasanya. Oleh itu bahasa yang teratur dan menepati hukum tatabahasa yang sesuai dan isi yang padat menjadi faktor utama dalam penulisan.

Standard level paper one

Component grade boundaries

Grade:	1	2	3	4	5	6	7
Mark range:	0 – 7	8 – 14	15 – 20	21 – 26	27 – 33	34 – 40	41 - 45

Bidang program dan peperiksaan yang kelihatan payah bagi calon

Soalan-soalan pelbagai pilihan kelihatan mudah kerana calon diberi panduan, namun ada juga yang agak keliru memilih jawapan yang tepat. Antara sebab ialah calon tidak begitu memahami isi teks atau tidak memahami soalan yang dibaca. Oleh yang demikian, ada jawapan yang betul daripada pelbagai pilihan yang diberikan seperti yang terdapat dalam soalan 1 (A - L) tidak dapat dikesan. Hal ini menunjukkan bahawa calon tersebut tidak benar-benar memahami

maksud pendaya yang jika teliti memang tidak tepat. Walau bagaimanapun, ramai calon yang dapat menangani soalan-soalan jenis demikian.

Soalan yang menuntut alasan yang dapat menyokong pilihan betul atau salah juga bukanlah jenis soalan yang mudah. Ada calon yang dapat memberikan jawapan/alasan tetapi tidak memilih pilihan betul/salah dengan tepat. Ini juga menunjukkan bahawa calon tidak dapat memahami kehendak soalan atau tidak dapat memahami teks yang dibaca.

Ada antara calon yang lemah tidak dapat menjawab soalan-soalan jenis terbuka yang berbentuk inferens kerana mereka tidak dapat memahami dengan mendalam teks yang diberikan. Begitu juga dengan soalan-soalan yang berkaitan dengan kosa kata. Untuk menguasai bahagian ini calon perlu menguasai memahami dan memberikan makna perkataan atau frasa yang dinukil dari teks. Hal ini sudah tentu menjejaskan keupayaan mereka memberikan jawapan yang tepat.

Bidang program dan peperiksaan yang menunjukkan persediaan yang dibuat oleh calon baik

Kebanyakan calon dapat menjawab dengan baik soalan-soalan yang berbentuk 'terbuka'. Ada juga jawapan yang diberikan lebih daripada mencukupi dan ini menunjukkan kebolehan mereka mengenal pasti idea yang dikehendaki oleh soalan. Secara umum, calon mengetahui kepelbagaian jenis teks yang terdapat dalam kertas ini. Oleh yang demikian, mereka dapat mengikuti perkembangan isi dalam teks tersebut. Calon juga telah menunjukkan kebolehan mereka menguasai kosa kata dan berupaya memahami kehendak soalan. Kepelbagaian keupayaan soalan juga dapat mengukur keupayaan mereka berbahasa dan perkara ini dapat membezakan antara calon yang terampil, sederhana terampil dan lemah. Tidak hairanlah juga jika soalan-soalan payah dapat dijawab dengan tepat; termasuklah soalan-soalan berkemahiran tinggi seperti soalan inferens dan aplikasi. Dengan itu, kita dapati bahawa ada calon yang boleh mendapat markah penuh dalam kertas ini.

Begitu juga dengan soalan pelbagai pilihan yang mudah dan sederhana payah. Soalan-soalan ini dapat ditangani dengan baik oleh kebanyakan calon. Calon juga boleh menangani item-item lain pelbagai jenis dan bentuk.

Empat teks yang berbeza-beza dari segi jenis, cakupan isi dan gaya penulisan dapat memenuhi minat dan keupayaan calon yang berlainan. Domain/topik yang pelbagai ini juga dapat mencungkil keupayaan mereka menggunakan bahasa dengan berkesan dalam konteks yang bersesuaian. Struktur kertas dapat memberikan ruang dan peluang bagi calon menunjukkan kecekapan mereka menggunakan bahasa. Hal ini penting dalam penilaian pembelajaran dan pengajaran bahasa. Soalan-soalan kefahaman dan kosa kata dapat mengukur kemahiran membaca dan memahami serta pemerolehan kosa kata para calon.

Kekuatan dan kelemahan calon dalam menangani setiap soalan

Bagi Teks 1, Soalan 1 (A-L) merupakan soalan pelbagai pilihan yang memerlukan calon memahami setiap pendaya dan memilih pernyataan yang betul. Bagi bahagian ini, kelakonan calon baik walaupun ada beberapa pendaya yang agak mengelirukan kerana calon kurang

memahami makna sebalik ayat yang diberikan. Soalan 2 - 6 dapat ditangani oleh calon dengan baik.

Teks B juga merupakan Teks yang lebih payah. Namun, calon secara keseluruhan dapat menjawab soalan 7 -9 dengan baik. Mereka yang dapat memberikan jawapan yang diharapkan. Begitu juga bahagian kosa kata. Ramai dapat memilih perkataan yang tepat dan dapat memberikan makna yang dapat diterima. Tetapi bagi soalan yang memerlukan alasan, ada calon yang mendapati kesukaran untuk menjawab dengan tepat. Ada yang dapat memberikan pilihan yang betul tetapi tidak dapat memberikan alasan atau justifikasi yang menepati pilihan. Oleh itu, bahagian ini dapat membezakan antara calon yang baik dengan sebaliknya.

Teks C pula merupakan teks yang berbentuk teks ucapan yang sebenarnya jarang didapati dalam buku-buku cerita kecuali dalam surat khabar atau berita. Laras bahasa teks ucapan ini memang bukan biasa. Walaupun demikian, calon dapat memahami teks tersebut dan isi yang disampaikan berkaitan dengan pandangan pemimpin dalam menerangkan perihal Bulan Bahasa. Bahagian ini mempunyai pelbagai ragam dari segi bentuk soalan. Soalan yang berkaitan dengan pemahaman melalui soalan pelbagai pilihan dapat ditangani dengan baik bagi calon yang amat baik dan baik. Tetapi bagi yang lemah, soalan pelbagai pilihan juga tidak dapat membantu mereka memilih jawapan yang baik. Malah mereka lebih keliru dan ragu-ragu dengan jawapan mereka. Soalan perbendaharaan kata nombor 24 hingga 31 merupakan soalan yang dapat membezakan kelakonan calon pelbagai kebolehan.

Teks D merupakan petikan daripada novel. Salah satu soalan yang terdapat dalam teks ini menuntut calon menunjukkan kebolehan mereka mengenal pasti struktur ayat yang betul dan tepat. Walaupun frasa telah diberikan, kebolehan memilih frasa yang tepat bergantung kepada kebolehan mereka memahami isi teks dan mencari pernyataan yang membawa makna yang menepati tuntutan jawapan yang betul. Oleh itu bahagian ini tidaklah begitu mudah kerana memerlukan calon mempunyai kemahiran memahami teks dan mengetahui struktur ayat yang betul. Bahagian menjawab soalan terbuka serupa dengan teks yang lain dan pencapaian calon agak memuaskan. Jawapan yang diberi jelas dan menepati kehendak soalan.

Secara keseluruhan, calon bagi Kertas ini baik dan soalan dapat menguji kecekapan calon dalam menggunakan bahasa. Calon yang terampil dapat menjawab soalan-soalan yang diberikan secara tekal. Pencapaian mereka dalam menunjukkan pemahaman mereka amat konsisten walaupun teks yang diberikan mencakupi topik yang pelbagai dan jenis yang tidak serupa.

Saranan dan panduan pengajaran bagi calon masa hadapan

Pengajaran dan pembelajaran kefahaman dan kosa kata merupakan kegiatan yang dapat membentuk dan mengukuhkan kemahiran membaca pelajar. Oleh itu, pendedahan terhadap bahan bacaan amat penting dalam memastikan bahawa pelajar didedahkan dengan pelbagai jenis teks termasuklah yang bercetak dan tidak bercetak. Bahan seperti ilustrasi dan foto yang dapat membantu pemahaman pelajar terhadap teks tersebut. Selain itu, kemahiran menggunakan kamus dan kegiatan perkamusan amat baik dan dapat dijalankan melalui permainan kosa kata seperti sahibah atau silang kata. Kita tidak dapat menafikan bahawa

pengajaran tatabahasa secara eksplisit juga dapat membantu pelajar memahami peraturan dan pengecualian dalam rumus tatabahasa. Selain itu, kematangan juga dapat dibentuk dengan pendedahan dan perbincangan mengenai satu-satu tajuk yang rapat dengan pelajar. Hal ini dapat menjadikan pembelajaran dan pengajaran bahasa menarik dan bermakna.

Standard level paper two

Component grade boundaries

Grade:	1	2	3	4	5	6	7
Mark range:	0 – 4	5 – 7	8 – 11	12 – 15	16 – 18	19 – 21	22 - 25

Bidang program dan peperiksaan yang kelihatan payah bagi calon

Daripada lima tajuk yang diberikan, calon dikehendaki memilih satu tajuk sahaja. Untuk menjadikan penilaian selaras dengan pengajaran, tajuk-tajuk yang diberikan ini mewakili setiap tajuk teras yang harus diajarkan dalam program ini. Tajuk-tajuk teras pula merangkumi pelbagai bidang yang merentasi minat dan kecenderungan pelajar. Hal ini termasuklah isu yang berkaitan dengan kepelbagaian budaya, adat dan tradisi, kesihatan fizikal dan minda, riadah, sains dan teknologi. Pilihan yang diberikan ini kelihatan membebankan calon kerana mereka terpaksa memilih satu tajuk yang benar-benar membolehkan mereka menunjukkan kemahiran menulis mereka. Namun, di satu sudut yang lain, pilihan ini juga dapat memberi mereka ruang dan peluang bagi untuk menulis tentang perkara-perkara yang diketahui oleh mereka secara mendalam - terutama apabila tajuk itu diminati dan sering dibaca. Calon juga boleh mengaplikasikan pengalaman dan pengetahuan yang berkaitan dalam tajuk kegemaran mereka. Contohnya ada calon yang menggunakan pengetahuan sedia ada mereka tentang alat-alat teknologi untuk menulis tentangnya dalam memenuhi tuntutan soalan.

Secara keseluruhan, sebahagian kecil calon yang 'tersalah pilih' tajuk menyebabkan mereka tidak dapat menulis dengan baik. Hal ini dapat dilihat dalam karangan yang tandus dari segi isi. Ini menyebabkan isi karangan mereka tidak dapat dikembangkan dengan baik melalui contoh atau penerangan lanjut sesuatu isi. Idea sampingan (jika ada) pun tidak dapat menerangkan dengan lebih terperinci isi utama dalam setiap perenggan dan kosa kata terhad. Mereka juga tidak dapat menunjukkan penguasaan tatabahasa, ejaan dan tanda baca yang kukuh.

Hal-hal yang disebutkan ini menjejaskan keberkesanan penulisan mereka. Calon-calun yang mendapat markah yang baik dapat menerangkan isu yang memerlukan istilah-istilah khusus yang sesuai. Hal ini membolehkan mesej yang ingin disampaikan lebih jelas dan meyakinkan pembaca dan menjadikan hasil tulisan mereka baik dan berkesan.

Bidang program dan peperiksaan yang menunjukkan persediaan yang dibuat oleh calon baik

Secara keseluruhan ramai calon telah membuat persediaan yang baik. Mereka dapat menulis tajuk pilihan yang sesuai dan mereka juga berjaya menghasilkan tulisan dengan memberikan isi yang relevan dan lebih daripada mencukupi mengenai tajuk tersebut. Untuk menjadikan esei mereka lebih kukuh, idea sampingan diberikan dengan jelas dan lancar. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat persediaan yang baik dan mencukupi bagi mereka menyampaikan pandangan mereka secara yakin. Dalam hasil tulisan yang tertentu tentang teknologi informasi dan media misalnya, mereka berupaya memberikan kosa kata yang persis atau tepat bagi menggambarkan/menerangkan sesuatu idea. Ini sudah tentu menunjukkan bahawa persediaan telah dibuat dengan baik bagi memastikan bahawa mereka berdaya untuk menguasai tajuk yang dipilih.

Selain itu, struktur ayat yang betul dan pelbagai membolehkan idea disampaikan dengan jelas, lancar dan berkesan. Kebolehan ini memberikan kekuatan bagi tulisan tersebut. Contohnya penggunaan ayat tunggal, majmuk dan kadangkala ayat kompleks menjadikan karangan mereka mudah difahami dan penyampaian idea menjadi lancar. Terdapat juga calon yang mengukuhkan pandangan dan pendapat mereka dengan menggunakan peribahasa dan ungkapan yang tepat dan sesuai dengan konteks. Lantas, karangan mereka mantap dan hasilnya pembaca dapat mengikuti aliran pemikiran dan hujah serta lebih yakin akan kebolehan calon menggunakan bahasa dalam komunikasi tulisan.

Kekuatan dan kelemahan calon dalam menangani setiap soalan

Soalan 1 dan 3 merupakan soalan-soalan yang agak popular dan digemari calon. Ini mungkin kerana calon mengenali dan mengetahui hal-hal yang berkaitan tajuk. Tajuk 1 yang berkisar dengan bahasa dan budaya Melayu serta pengajarannya disekolah merupakan tajuk yang paling diminati. Justeru mereka dapat mengungkapkan segala perihal mengenai budaya perkara-perkara yang telah dijalankan disekolah dengan baik. Mereka dapat menerangkan dengan jelas tentang pengajaran bahasa secara formal dan tidak formal dengan menamakan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di dalam dan di luar kelas. Calon yang penguasaan bahasanya sederhana juga dapat menulis karangan yang baik dan dapat menyampaikan idea/isi yang mencukupi. Hal yang sama juga terdapat dalam karangan yang menuntut calon menulis kegiatan atau kempen gaya hidup sihat. Ada yang menerangkan hal-hal yang bukan hanya berkaitan dengan pemakanan, tetapi penjagaan fizikal dan tidur yang mencukupi. Walaupun berkaitan, informasi ini tidak dapat menjawab soalan dan tidak dikira relevan. Namun, kedua-dua soalan ini dapat menunjukkan lebih kekuatan daripada kelemahan calon. Wacana e-mel dan blog juga memang tidak asing pada calon. Lantas, laras bahasa yang digunakan amat bersesuaian dengan konteks tajuk yang dipilih.

Bagi Soalan 2 dan 4, calon yang menunjukkan kekuatan mereka ialah calon yang dilengkapi dengan kosa kata khusus dan pengetahuan yang mendalam tentang isu-isu budaya dan riadah. Jika calon tidak menguasai perbendaharaan kata yang mencukupi, penerangan mereka menjadi kurang jelas dan tidak lancar. Hasilnya aliran pemikiran menjadi tersekat-sekat kerana kekurangan kosa kata yang persis. Oleh yang demikian, kedua-dua soalan ini bukanlah soalan yang digemari oleh ramai calon, terutama topik mengenai adat dan tradisi.

Namun, ada yang dapat memberikan idea yang mencukupi dan contoh yang sesuai dan menepati kehendak soalan. Gaya penulisan rencana dan wawancara telah dikuasai oleh kebanyakan calon dan kebanyakan mereka menggunakan laras bahasa yang sesuai.

Soalan 5 pula merupakan tajuk yang juga dipilih dalam kalangan calon kerana mereka amat selesa dengan alat-alat teknologi. Secara umum, calon yang memilih tajuk ini dapat memberikan pandangan mereka secara bernas dan meyakinkan. Mereka dapat menerangkan dengan hujjah yang munasabah kebaikan dan keburukan media ini dalam kehidupan pengguna. Isi dan idea yang diberikan sesuai dan relevan. Ada juga yang menggunakan nukilan yang diperoleh daripada pembacaan mereka yang agak luas dalam bidang ini. Banyak istilah teknologi yang digunakan tepat dan sesuai dengan konteks penulisan. Teks yang dihasilkan disampaikan dalam bentuk ucapan atau pidato, dan terdapat penggunaan laras ucapan yang sesuai digunakan. Selain itu, calon juga menggunakan gaya penulisan ucapan yang sesuai dengan konteks yang diberikan.

Saranan dan panduan pengajaran bagi calon masa hadapan

Dalam pembelajaran dan pengajaran kemahiran menulis, pelajar perlu mempunyai pengetahuan yang baik dalam bidang yang diminati. Pengetahuan tentang hal-hal yang bersangkutan dengan tajuk ini boleh diperoleh daripada pembacaan yang luas dan pelbagai serta tontonan filem yang sesuai. Selain itu, sesi perkongsian dan perbincangan dengan rakan sebaya dan guru juga dapat menambah ilmu pengetahuan mereka. Perdebatan, pidato dan penyampaian hasil perbincangan dapat membantu mereka memilih idea yang relevan, menyusun idea tersebut melalui kajian dan penelitian bahan. Pelajar berupaya melakukan demikian dengan panduan dan dorongan guru dan fasilitator yang baik. Selain itu, membaca karangan yang baik juga dapat memberikan idea dan menjadi contoh baik. Bahan yang berkualiti ini boleh mempengaruhi penulisan mereka. Pelajar boleh belajar tentang teknik penulisan yang baik, bahasa yang tepat dan gaya yang menarik. Oleh itu, penulisan yang baik dari segala sudut termasuklah kedalaman isi, susunan/organisasi idea dan ketepatan isi amat penting dalam memupuk kemahiran menulis.

Selain itu isi dan idea ini harus diolah dan disusun dengan baik agar setiap perenggan itu kohesi dan koheren. Kedua-dua elemen ini amat penting dalam menjadikan penulisannya jelas dan lancar serta membantu pemahaman penulis. Pelajar juga harus didedahkan dengan pelbagai jenis penulisan yang menggunakan konvensi penulisan yang tertentu, misalnya penulisan teks ucapan sering dimulakan dengan ucapan pendahuluan. Begitu juga penulisan surat, e-mel, blog dan wawancara - kesemuanya mempunyai cara atau langkah-langkah tertentu yang dapat menjadikan penulisan berkesan.

Tatabahasa yang betul juga harus menjadi kriteria yang disertakan dalam pengajaran bahasa. Ini kerana pelajar kadang kala terikut-ikut menggunakan bahasa yang salah yang terdapat dalam bahan-bahan bacaan yang tidak bermutu. Dengan erti kata yang lain, pelajar akan meniru gaya dan bahasa yang digunakan oleh penulis yang mempunyai lesen untuk menggunakan perkataan tertentu. Oleh itu, bahasa yang teratur dan menepati hukum tatabahasa yang sesuai dan isi yang padat menjadi faktor utama dalam pengajaran dan pembelajaran kemahiran menulis.